

GARIS PANDUAN PEMBERIAN BANTUAN KHAS COVID-19

Syarat-Syarat Kelayakan

1. Warganegara Malaysia yang bekerja tetapi telah kehilangan sumber pendapatan atau tidak dibayar gaji sepanjang tempoh dikenakan Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Bagi Kontak Covid-19 Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
2. Warganegara Malaysia yang bekerja tetapi telah kehilangan sumber pendapatan atau tidak dibayar gaji sepanjang tempoh menjalani rawatan di wad hospital (*warded*) ekoran COVID-19.

Pemohon Yang Tidak Layak:

1. Bukan Warganegara Malaysia
2. Tiada pekerjaan sebelum dikenakan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian.
3. Mempunyai pendapatan atau menerima gaji dalam tempoh Pengawasan dan Pemerhatian / menjalani rawatan di wad hospital (*warded*) ekoran COVID-19.

Kadar Bantuan

RM100 sehari sepanjang tempoh dikenakan Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Bagi Kontak Covid-19 Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) atau menjalani rawatan di wad hospital yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk merawat Covid-19 (*warded*). Bantuan khas ini hanya akan diberikan sekali sahaja (*one-off*) dalam tempoh penularan jangkitan Covid-19 dan tidak akan diberikan bagi kes yang berulang.

Kaedah Permohonan

1. Muat turun dokumen-dokumen di laman web <http://www.nadma.gov.my/info-my/bantuan-khas-covid-19>
 - Borang Permohonan Bantuan Khas Covid19 (Lampiran A)
 - Borang Akuan Kehilangan Pendapatan (Lampiran B)
 - Surat Perwakilan Kuasa Kepada Waris (Lampiran C) *jika tiada akaun bank
2. Permohonan lengkap dihantar melalui pos ke NADMA di alamat:-

➤ **Ketua Pengarah**

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

Jabatan Perdana Menteri

Aras 7, Blok D5, Kompleks D

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

(u.p. : Sekretariat KWABBN)

Dokumen Yang Diperlukan

1. Borang Permohonan Bantuan Khas Covid19 seperti di Lampiran A. (Dokumen Asal)
2. Salinan kad pengenalan. (Salinan Diakui Sah)
3. **Dokumen KKM (Salinan Diakui Sah):**
 - i. **Bagi pemohon yang di bawah perintah Pengawasan dan Pemerhatian**
 - a. Salinan Borang Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Bagi Kontak Covid-19 Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) yang telah disahkan oleh KKM; dan
 - b. Salinan Borang pelepasan dari menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah kediaman bagi kontak jangkitan Covid-19 di bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342);
 - ii. **Bagi pemohon yang menjalani rawatan di wad hospital yang dibenarkan oleh KKM untuk merawat Covid-19 (warded)**
 - a. Sijil Cuti Sakit yang dikeluarkan oleh Hospital yang dibenarkan oleh KKM untuk merawat Covid-19.
4. Borang Akuan Kehilangan Pendapatan seperti di Lampiran B. (Dokumen Asal)
5. Salinan penyata bank / muka depan buku akaun.** (Salinan Diakui Sah)

*** sekiranya pemohon tidak mempunyai akaun bank, pemohon boleh memberikan salinan penyata bank / muka depan buku akaun bank waris bersama-sama dengan surat perwakilan kuasa kepada waris seperti di Lampiran C serta salinan kad pengenalan waris yang diakui sah.*


Cara Bayaran

Bayaran bantuan khas akan dibuat secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) kepada pemohon yang layak dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen permohonan yang lengkap.

Penafian

NADMA berhak untuk memutuskan jumlah bantuan berdasarkan dokumentasi yang dikemukakan atau menolak permohonan yang tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan.

Carta Aliran Permohonan Bantuan Khas Covid19



FAQ

1. Siapakah boleh memohon?

- i. Warganegara Malaysia yang bekerja tetapi telah kehilangan sumber pendapatan atau tidak dibayar gaji sepanjang tempoh dikenakan Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Bagi Kontak Covid-19 Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- ii. Warganegara Malaysia yang bekerja tetapi telah kehilangan sumber pendapatan atau tidak dibayar gaji sepanjang tempoh menjalani rawatan di wad hospital (warded) ekoran COVID-19.

2. Siapakah yang tidak layak memohon?

- i. Bukan Warganegara Malaysia
- ii. Tiada pekerjaan sebelum dikenakan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian.
- iii. Mempunyai pendapatan atau menerima gaji dalam tempoh Pengawasan dan Pemerhatian / menjalani rawatan di wad hospital (*warded*) ekoran COVID-19.

3. Berapakah kadar bantuan?

RM100 sehari sepanjang tempoh dikenakan Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Bagi Kontak Covid-19 Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) atau menjalani rawatan di wad hospital yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk merawat Covid-19 (*warded*). Bantuan khas ini hanya akan diberikan sekali sahaja (*one-off*) dalam tempoh penularan jangkitan Covid-19 dan tidak akan diberikan bagi kes yang berulang.

4. Bagaimanakah kaedah untuk memohon?

- i. Muat turun dokumen-dokumen di laman web <http://www.nadma.gov.my/info-my/bantuan-khas-covid-19>
 - Borang Permohonan Bantuan Khas Covid19 (Lampiran A)
 - Borang Akuan Sumpah (Lampiran B)
 - Surat Perwakilan Kuasa Kepada Waris (Lampiran C) *jika tiada akaun bank
- ii. Permohonan lengkap dihantar melalui pos ke NADMA di alamat:-

➤ Ketua Pengarah

Agenси Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 7, Blok D5, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
(u.p. : Sekretariat KWABBN)

5. Apakah dokumen yang diperlukan?

- i. Borang Permohonan Bantuan Khas Covid19 seperti di Lampiran A. (Dokumen Asal)
- ii. Salinan kad pengenalan. (Salinan Diakui Sah)
- iii. **Dokumen KKM (Salinan Diakui Sah):**

I. Bagi pemohon yang di bawah perintah Pengawasan dan Pemerhatian

- a. Salinan Borang Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Bagi Kontak Covid-19 Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) yang telah disahkan oleh KKM; dan
- b. Salinan Borang pelepasan dari menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah kediaman bagi kontak jangkitan Covid-19 di bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342);

II. Bagi pemohon yang menjalani rawatan di wad hospital yang dibenarkan oleh KKM untuk merawat Covid-19 (warded)

- a. Sijil Cuti Sakit yang dikeluarkan oleh Hospital yang dibenarkan oleh KKM untuk merawat Covid-19.
- iv. Borang Akuan Kehilangan Pendapatan seperti di Lampiran B (Dokumen Asal).
- v. Salinan penyata bank / muka depan buku akaun.** (Salinan Diakui Sah)

*** sekiranya pemohon tidak mempunyai akaun bank, pemohon boleh memberikan salinan penyata bank / muka depan buku akaun bank waris bersama-sama dengan surat perwakilan kuasa kepada waris seperti di Lampiran C serta salinan kad pengenalan waris yang diakui sah.*

6. Bagaimanakah bayaran akan dibuat?

Bayaran bantuan khas akan dibuat secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) kepada pemohon yang layak dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen permohonan yang lengkap.



Borang Permohonan Bantuan Khas Covid-19

1. Nama (*seperti di dalam kad pengenalan*) :

2. No. kad pengenalan :

3. Alamat :

.....

4. No. akaun bank :

**sekiranya pemohon tidak mempunyai akaun bank boleh mewakilkan akaun bank waris dengan menyertakan surat perwakilan kuasa kepada waris*

5. Nama bank :

6. Tempoh pengawasan / rawatan (hari) : hari

Tarikh mula pengawasan / rawatan (dd/mm/yyyy):

Tarikh tamat pengawasan / rawatan (dd/mm/yyyy):

Tempat pengawasan / rawatan:

Negeri :

Daerah :

7. Pekerjaan :

8. Majikan (jika ada) :

9. Alamat tempat pekerjaan :

.....

10. Jumlah pendapatan bulanan: RM

Jumlah sumber pendapatan lain (Jika ada): RM

11. No telefon (HP):

12. Emel :

Tandatangan pemohon :

()

BORANG AKUAN KEHILANGAN PENDAPATAN

Saya,.....

No. KP:..... dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa saya telah kehilangan pendapatan atau tiada gaji sepanjang tempoh ditahan kerana :-
(Pilih salah satu)

- Perintah kuarantin COVID-19 melalui Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Bagi Kontak Covid-19 Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342); atau
- menjalani rawatan (*warded*) di hospital ekoran penyakit Covid-19;

dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar.

Saya faham bahawa –

- (a) Sekiranya saya memberi atau menggunakan apa-apa dokumen yang mengandungi maklumat atau butiran yang palsu dan silap dengan niat untuk memperdayakan bagi kepentingan dan keuntungan peribadi saya boleh didakwa di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang mana disabitkan oleh Mahkamah saya boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan denda lima (5) kali nilai suapan / nilai pemalsuan atau RM10,000.00 mengikut mana-mana yang lebih tinggi; dan
- (b) Sekiranya saya menipu atau menggunakan apa-apa dokumen dengan niat menipu, saya boleh didakwa di bawah Seksyen 420 dan 468 Kanun Keseksaan yang mana boleh disabitkan saya boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang dari satu (1) tahun dan tidak melebihi 10 tahun serta denda (Seksyen 420) dan tidak melebihi tujuh (7) tahun dan denda (Seksyen 468)

Tandatangan :.....

Tarikh :.....

SURAT PERWAKILAN KUASA

Sekretariat

Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara

Agensi Pengurusan Bencana Negara

Jabatan Perdana Menteri

WP. PUTRAJAYA

Tuan

Adalah dimaklumkan bahawa saya _____

No. KP. _____ dengan ini mewakilkan penama di bawah untuk menguruskan hal berkaitan tuntutan Bantuan Khas Covid-19 saya :

Nama : _____

No. KP : _____

Hubungan : _____

No. Telefon : _____

Emel : _____

Nama Bank : _____

No. Akaun Bank: _____

(*sertakan Salinan Kad Pengenalan, Salinan penyata bank/ muka depan buku bank penama, yang diakui sah)

Dengan itu, saya mengaku akan bertanggungjawab atas sebarang implikasi daripada tindakan perwakilan kuasa ini.

Yang Benar,

.....
Nama : _____

No.KP : _____